



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 22.

RABU 18 NOVEMBER, 1964.

رابو 14 رجب 1384

PERCHUMA

PROJEK MENANAM HUTAN SEMULA

Pemangku Menteri Besar Menyeru

PENDUDOK2 BRUNEI MEMBANTU
MEMELIHARA POKOK2 BAHARU

SUNGAI LIANG. — Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah melawat ka-Pusat Kehutanan Sungai Liang pada pagi hari Sabtu 14 November, 1964 untuk menyaksikan Projek Menanam Hutan Semula yang di-selenggarakan oleh Pejabat Kehutanan Negara Brunei, di-bawah Rancangan Perkembangan Lima Tahun.

Satu majlis melafadzkan ucapan telah di-adakan di-Pusat Kehutanan Sungai Liang pada masa lawatan Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Hamid bin Awang Damit; Pesuruh Jaya Tanah Negeri Brunei, Awang B.C. Cartland; Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould dan Pemangku Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf; Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan oleh Pemangku Pegawai Kehutanan Negara Brunei, Awang Zainal Abidin bin Bendahari Mohamed.

Sa-lepas itu para hadirin telah menyaksikan pokok2 kayu yang ditanam di-atas bukit dan juga di-kawasan yang berhampiran dengan Pusat Kehutanan Sungai Liang.

Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa upacara yang telah di-adakan di-Pusat Kehutanan Sungai Liang pada pagi hari tersebut ada-lah bersejarah bagi mengenalkan projek yang penting, ia-itu Projek Menanam Hutan Semula, kepada penduduk2 di-seluruh Negeri Brunei.

"Apa yang akan saya lafadzkan ada-lah saya tujukan kepada seluruh penduduk, sama-ada

yang diam di-Bandar2 atau pun di-kampung2, yang mencari kehidupan mereka di-sini, dan orang2 yang sentiasa kekehenderangan-nya dan ta'at setia-nya adalah kepada Negeri ini", kata beliau.

Selanjut-nya beliau berkata, "Hari ini keluasan Negeri Brunei ia-lah 2,226 batu persegi dan penduduk-nya lebih kurang 90,000 orang. 20 atau 30 tahun yang akan datang, negeri ini sama juga luas-nya. Akan tetapi penduduk-nya akan berganda, yang bermahana bahawa dua kali ganda ramai-nya orang yang akan mencari kehidupan mereka daripada kawasan tanah yang sama seperti dalam tahun 1964.

Oleh yang demikian untuk membolehkan mereka2 itu berbuat demikian, maka kita ra'ayat yang hidup masa ini mestilah menyediakan masa hadapan dengan jalan merancang perkembangan kita, supaya kita menggunakan sumber2 dengan cara yang baik sekali, termasuk juga tanah.

Kesemua tanah2 yang ada hendaklah di-gunakan atau pun di-buat su-



Pemangku Menteri Besar Brunei, Y.A.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf (nombor 3 dari kiri) kelihatan dalam gambar ini semasa lawatan beliau ka-Pusat Kehutanan Sungai Liang pada hari Sabtu yang lalu. Nombor 2 dari kiri ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin dan di-tengah ia-lah Pemangku Pegawai Kehutanan Negara, Brunei, Awang Zainal Abidin.

paya mengeluarkan hasil yang baik. Ini ada-lah tanggung-jawab Pejabat Pertanian dan Kehutanan.

Apakah erti-nya menanam hutan semula itu? Erti-nya ia-lah menanam kayu2 hutan yang dapat memberikan hasil di-atas tanah, yang pada masa dahulu tidak berguna di-sebabkan oleh manusia membiarkan dan tidak menggunakan dengan betul atau pun memang semula jadi tidak sesuai bagi pertanian.

Dengan menanam jenis2 kayu hutan yang sesuai yang berguna di-atas tanah2 itu, maka kita boleh menjadikan tanah ini subur dengan menanam kayu2 hutan yang boleh diperdagangkan.

Kita juga boleh memelihara tanah itu dengan mencegah penghanyutan tanah oleh ayer dan angin; dan kita menambahkan lagi kesuburan tanah itu dengan menjadikan tanah di-permukaan lebih subur dari lunggokan daun2, sampah sarap yang burok.

Projek2 yang sama seperti di-Sungai Liang ini akan di-selenggarakan di-seluruh Negeri dan saya minta kepada semua penduduk di-dalam Negeri ini untuk mengambil perhatian dalam usaha ini, untuk membantu dengan jalan memelihara pokok2 baharu ini daripada di-timpa kerosakan, dan kebakaran dan jangan di-binasakan.

Negeri ini negeri kita semua dan hutan ini ada-lah hutan kita dan juga sumber bagi kehidupan kita dan anak2 kita di-masa hadapan.

Di-sebabkan Sungai Liang ini didok-nya di-dalam Daerah Belait maka sekarang saya pinta Yang Mulia Pengiran Momin, Pegawai Daerah Belait untuk memberi tahu tuan2 lebeh lanjut lagi mengenai projek ini."

MUDIM HAJI YUSOF DI-KURNIAKAN GELARAN KHATIB

BANDAR BRUNEI. — Yang Mulia Mudim Awang Haji Yusuf bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad telah di-kurniakan gelaran Yang Di-muliakan Pehin Khatib dalam satu istiadat di-Balai Pemandangan Indera Kenchana Istana Darul-Hana pada petang hari Juma'at lepas.

Istiadat tersebut telah di-lakukan di-hadapan Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, Pengiran Haji Mohammad Alam.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-kendalikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan chiri gelaran telah di-bachakan oleh Yang Mulia Mudim Awang Haji Abu Bakar.

Kurnia gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Khatib kepada Yang Mulia Mudim Awang Haji Yusuf itu telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana

Al-Sultan yang pada masa ini sedang bersemayam di-London.

Antara yang hadir di-istiadat itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Pemangku Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2, pengiran2, pehin2 dan tetamu2 khas.

Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Haji Yusuf telah menjawab gelaran Mudim sejak tahun 1960 dan bertugas di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

LANTEKAN BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan telah di-lantik baharu2 ini memangku jawatan sebagai Pemangku Menteri Besar Brunei pada masa Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun berada di-luar negeri.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah berangkat ka-United Kingdom baharu2 ini mengiringi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

PERJUMPAAN PANDU2 PUTERI SA-CHARA "SUKA DAN DUKA"

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Pandu Puteri, Pandu2 Puteri, Kadet2 Puteri dan anggota2 Pasokan2 Browni di-Bandar Brunei telah mengadakan satu perjumpaan untok memberi Selamat Berpisah kepada Setia Usaha Persekutuan Pandu Puteri Negeri Brunei, Dayang Dixon Lennett.

Perjumpaan tersebut telah diadakan di-pekarangan rumah Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani pada petang hari Ahad 8 November, 1964.

Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa majlis itu ialah "MAJLIS SUKA DAN DUKA".

Pandu2 Puteri di-majlis tersebut, kata beliau, berasa sukachita meraikan Dayang Dixon Lennett dan berlebeh2 lagi berasa gembira dapat bertemu ramah dengan Dayang Lennett.

"Di-samping itu," kata Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani, "Kami berasa sedih kerana Dayang Dixon Lennett akan berpisah tidak berapa lama lagi sa-telah berkhidmat di-Negeri Brunei semenjak beberapa tahun yang lalu.

"Kami tidak akan lupa segala jasa dan perkhidmatan Dayang Dixon Lennett terhadap Pergerakan Pandu Puteri di-Negeri Brunei dan berharap agar-nya Dayang Dixon Lennett akan datang ka-negeri ini serta melawat anggota2 Pandu2 Puteri sa-umomnya di-negeri ini pada masa akan datang kelak".

Dayang Dixon Lennett kemudian berkata bahawa beliau telah

berkhidmat dengan Kerajaan Brunei semenjak kira2 sepuluh tahun yang lalu dan dalam masa itu, beliau telah menumpukan tenaga-nya terhadap Pergerakan Pandu Puteri di-negeri ini.

Beliau berasa dukachita mengucapkan "SELAMAT TINGGAL" kepada para hadirin di-majlis tersebut dan berharap akan bertemu sa-mula pada masa akan datang kelak.

Dalam ucapan-nya, Dayang Dixon Lennett telah menyeru kepada semua Pandu2 Puteri di-negeri ini supaya mereka mempunyai "SEMANGAT PANDU PUTERI" selama2-nya sa-hingga mereka menjadi ibu dan nenek.

Sa-lepas itu, Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani telah menyampaikan sa-buah Chenderamata bagi pehak semua Pandu2 Puteri di-Bandar Brunei kepada Dayang Dixon Lennett.

Kemudian Pandu2 Puteri yang hadir di-majlis tersebut telah mempersembahkan nyanyian2 dan tarian2.

Majlis itu di-akhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Brunei.

PERKHEMAHAN BOLKIAH:

Perengkat Pertama Hampir Siap Di-Bena

BERAKAS. — Pegawai Pemerintah Brigade Tentera Bahagian Tengah di-Borneo, Brigadier H.C. Tuzo telah memberikan pengakuan bahawa kebanyakan dari bangunan awam yang di-duduki oleh Pasokan2 Keselamatan sekarang, akan di-pulangkan tidak berapa lama lagi kepada tuan2 punya bangunan2 itu.

Perkara ini boleh di-lakukan sa-telah tamat perengkat kedua dalam Rancangan Pembinaan Perkhemahan Bolkiah. Beliau telah berkata sa-demikian semasa berchakap dalam satu Sidang Akhbar di-Perkhemahan Bolkiah pada pagi 11 November.

Brigadier Tuzo berkata, perengkat pertama yang memakan belanja kira2 \$1,750,000 hampir siapa di-bena sekarang dan apabila sahaja bangunan2 baru siap di-Perkhemahan Bolkiah, tentera2 yang tinggal di-rumah2 awam, akan di-pindahkan kasana. Dengan jalan begini, kebanyakan dari bangunan2 yang didiami oleh tentera2 sekarang, akan dapat di-kembalikan menjelang perengkat kedua pembinaan perkhemahan tersebut siap pada bulan Mach tahun hadapan.

Brigadier Tuzo menegaskan bahawa perkhemahan tersebut



Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Y. T. Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani (nombor empat dari kiri) kelihatan dalam gambar ini di-temasha Unggun Api Pandu2 Puteri yang telah di-adakan di-pekarangan rumah beliau baharu2 ini. Dudok di-sabelah Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani ialah Dayang Laird ia-itu isteri Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei dan berdiri di-belakang ialah Setia Usaha Persekutuan Pandu Puteri Negeri Brunei, Dayang Dixon Lennett. Kanak2 dalam gambar ini ialah Putera2 Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani.

ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN MUDIM KAPADA AWANG HAJI HASSAN

BANDAR BRUNEI. — Satu istiadat mengurniakan gelaran Yang Mulia Mudim kepada Awang Haji Hassan bin Serudin telah di-langsungkan di-Balai Penghadapan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, di-Kampong Sumbiling pada petang hari Khamis yang lalu.

Istiadat itu telah di-lakukan di-hadapan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan telah di-kendalikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong.

Kurnia gelaran Yang Mulia Mudim kepada Awang Haji Hassan itu telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Istiadat tersebut telah di-hadiri oleh Pengiran2, Pehin2 dan tetamu2 khas.

Sa-belum menjawat gelaran Mudim, Awang Haji Hassan telah berkhidmat sa-bagai Marbut sejak sa-belum perang di-empat buah Masjid di-Bandar Brunei.

Beliau telah mula2 berkhidmat sa-bagai Marbut di-Mesjid Sultan Ahmad Tajuddin, kira2 dalam tahun 1930 dan berikutnya di-Balai Penghadapan Almerhom Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara anak Haji Md. Yassin yang pada waktu itu di-gunakan sa-bagai mesjid sementara.

Sa-belum berkhidmat di-mesjid Omar Ali Saifuddin beliau juga telah berkhidmat sabagai Marbut di-mesjid sementara yang letak-nya dekat Kubor Raja Ayang.

RISALAH PENERANGAN

RISALAH penerangan yang di-terbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Bilangan 18/64/OCT/6 berkata antara lain :

"Ada 81 buah Sekolah Melayu, 3 buah Sekolah Inggeris Menengah Kerajaan, 7 buah Sekolah Missi Inggeris dan 8 buah Sekolah China yang mendapat bantuan Kerajaan kerana mengajar Bahasa Melayu kepada murid2-nya."

Ayat di-atas di-anggap umum dan mungkin mengelirukan tentang jenis2 sekolah2 yang mengajar Bahasa Melayu dan mendapat bantuan.

Sekolah2 Missi Inggeris di-negeri ini TIDAK mendapat bantuan daripada Kerajaan, tetapi sekolah2 itu mengajar Bahasa Melayu kepada murid2-nya.

Sekolah2 China mendapat bantuan daripada Kerajaan dan sa-perti Sekolah2 Missi Inggeris, mengajar Bahasa Melayu kepada murid2-nya. — PENGARAH

6 Orang Lagi Petani2 Tamat Menghadhiri Kursus Pertanian

KILANAS. — Satu upacara menyampaikan Sijil2 kepada enam orang petani2 yang telah tamat menghadhiri kursus pertanian sa-lama dua bulan di-Pusat Perchubaaan Pertanian Kilanas telah di-adakan pada pagi hari Sabtu 7 November, bertempat di-Pusat Perchubaaan Pertanian tersebut.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan kepada petani2 itu oleh Yang Berhormat Awang Haji Ghazali bin Umar, sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Petani2 tersebut ia-lah Awang Saidil bin Malim dari Batu Apoi, Temburong; Awang Johan bin Pakar dari Kilanas, Brunei; Awang Sukaj bin Iradat dari Lamunin, Tutong, Awang Lipi bin Nilau dari Lagau, Temburong; Awang Karim bin Bandul dari Masin, Brunei dan Awang Bran anak Geliga dari Sipun, Ulu Tutong.

Hingga ka-hari tersebut, seramai 78 orang petani2 telah tamat menghadhiri kursus pertanian semenjak kursus itu di-adakan pada pertengahan tahun 1962.

Yang Berhormat Awang Haji

Ghazali berkata sa-lepas menyampaikan Sijil2 kepada petani2 yang berkenaan itu di-majlis tersebut bahawa perkembangan sa-sabuaah negara, adalah juga bergantung kepada perkembangan perusahaan pertanian dan ternakan.

"Pertanian dan perusahaan ternakan", kata beliau, "sangatlah penting untuk segala lapisan ra'ayat di-negeri ini."

Oleh itu, Yang Berhormat Awang Haji Ghazali telah menyeru kepada petani2 yang telah tamat menghadhiri kursus pertanian itu, supaya mereka menggunakan pengetahuan mereka, bukan sahaja untuk kepentingan diri mereka sendiri, bahkan untuk meninggikan taraf pertanian dan perusahaan di-kampung2 mereka pada sa-tiap masa.



Yang Berhormat Awang Haji Ghazali bin Umar kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Sijil kepada sa-orang petani yang telah tamat menghadhiri Kursus Pertanian baharu2 ini.

PASAR GEMBIRA PENGAKAP2

BANDAR BRUNEI. — Pengakap2 tempatan akan mengadakan satu temasha Pasar Gembira selama tiga hari dalam bulan ini untuk mengutip derma bagi menghantarkan beberapa orang Pengakap2 menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Victoria, Australia pada penghujung tahun ini.

Pasar Gembira tersebut akan di-adakan di-kawasan tanah lapang berhampiran Panggong Boon Pang Baharu di-Bandar Brunei pada 27, 28 dan 29 November.

Sementara, itu, Persatuan Pengakap Negeri Brunei telah pun menjual tiket2 lotri untuk mengutip derma bagi membantu rombongan Pengakap2 dari Negeri Brunei yang akan menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia pada penghujung bulan hadapan.

Tiket lotri itu berharga sa-ringgit sa-keping dan hadiah2-nya adalah seperti berikut:

Hadiah pertama—Sa-buah kereta Ford Anglia. Hadiah kedua—Tiket kapal terbang perchuma dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dan tempat tinggal, makan dan melawat ka-tempat2 di-Hong Kong dengan perchuma selama sa-minggu. Hadiah ketiga—Sa-buah basikal sports jenis Raleigh.

Sa-lain dari itu akan di-adakan 48 hadiah2 sugu hati.

Chabutan tiket2 lotri tersebut akan di-adakan di-temasha Pasar Gembira Pengakap2 tempatan pada pukul 4.30 petang hari Sabtu 29 November.

Lima orang wanita2 yang jelita akan bertugas menchaub nombor2 tiket2 lotri yang "bernasib baik" itu. Mereka ia-lah Dayang Rosni Hamidoo (Dayang Brunei Tahun 1964), Dayang Siti binti Yusof Khan (Dayang Brunei Tahun 1963), Dayangku Fatimah binti Pengiran Salim, Dayang Lim Pee Choon dan Dayang Lim Soh Pek.

Orang2 yang berhajat hendak membeli tiket2 lotri tersebut, akan tetapi belum-lah lagi membeli-nya boleh-lah membeli tiket2 itu dari Awang Chua Kong Heng di-Pejabat Sharikat Minyak Shell, Jalan Sultan, Bandar Brunei sa-belum 27 November.

PENDAFTARAN PERSATUAN PERKASA DI-LULUSKAN

KAMPONG SABA. — Pendaftaran Persatuan Kampung Saba (PERKASA) Brunei telah di-luluskan oleh pehak yang berkuasa baharu2 ini. Ahli2 persatuan itu adalah mengandongi penduduk2 dari empat buah kampung di-Kampung Ayer, Brunei, ia-itu Kampung2 Saba Laut, Saba Tengah, Saba Darat dan Saba Ujong.

PERKASA telah di-tubuhkan untuk :

★ Mengeratkan perhubungan antara persatuan2 yang mempunyai dasar dan tujuan yang sama seperti PERKASA.

★ Meninggi dan mengembangkan BAHASA, KESUSASTERAAN, KESENIAN dan KEBUDAYAAN MELAYU dalam segala lapangan.

★ Memberi galakan dan mendukung chita2 Kerajaan bagi MEMBENTERAS BUTA HURUF dan

★ Meninggi dan menambahkan hasil2 penulisan yang beransor KESUSASTERAAN.

PEGAWAI2 SEMENTARA Sa-buah Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Sementara telah di-bentok seperti berikut :

Yang Dipertua : Awang Thani bin Muhammad. Naib Yang Dipertua : Awang Timbang bin Abdul Halim.

Setia Usaha Agong : Awang Md. Daud bin Taha. Naib Setia Usaha Agong : Awang Ibrahim bin Muhammad.

Bendahari Kehormat : Awang Bungsu bin Pudin. Pemereksa Kira2 Kehormat Awang Serwadi bin Pengarah Haji Abdullah.

Setia Usaha Kebudayaan dan Kesenian : Awang Muntol bin Nordin.

Setia Usaha Pelajaran : Awang Emran bin Umar.

Setia Usaha Penerangan dan Persuratan : Awang Ibrahim bin Besar.

Setia Usaha Kebajikan : Awang Masri bin Raub.

Setia Usaha Sokan : Awang Chuchu bin Md. Ja'afar.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir yang tidak berjawatan : Awang Zakaria bin Haji Sulaiman, Awang Perak bin Haji Besar, Awang Md. Said bin Haji Tahir, Awang Chuchu bin Muhammad dan Awang Aliakbar bin Muhammad.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa PERKASA akan mengadakan Mashuarat Agongnya dalam bulan Disembar akan datang. Beberapa perkara yang mustahak mengenai persatuan itu akan di-rundingkan dalam mashuarat tersebut.

Selain dari itu Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir sementara PERKASA akan di-bubarkan dalam mashuarat tersebut dan Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir PERKASA untuk Tahun 1964/1965 akan di-lantek.—SUAS Perkasa.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 November hingga ka-hari Isnin 30 November, 1964 adalah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib
18	4.37	4.52	6.09	12.12	3.30	6.08	7.23
19	4.37	4.52	6.09	12.12	3.30	6.08	7.23
20	4.37	4.52	6.09	12.12	3.30	6.08	7.23
21	4.37	4.52	6.09	12.12	3.30	6.08	7.23
22	4.37	4.52	6.09	12.12	3.30	6.08	7.23
23	4.38	4.53	6.10	12.12	3.30	6.08	7.23
24	4.38	4.53	6.10	12.12	3.30	6.08	7.23
25	4.38	4.53	6.11	12.13	3.31	6.09	7.24
26	4.38	4.53	6.11	12.13	3.31	6.09	7.24
27	4.39	4.54	6.12	12.13	3.31	6.09	7.24
28	4.39	4.54	6.12	12.13	3.32	6.10	7.25
29	4.39	4.54	6.12	12.13	3.32	6.10	7.25
30	4.40	4.55	6.13	12.13	3.32	6.10	7.25

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Halaman Cherpen

DI-PANCHUTKAN ayer ludahnya yang sudah basi melalui jendela berpagar kukoh itu. Dia senyum sendiri — kemudian bertukar kepada ketawa terbahak2. Di-gongchang2-nya pagar besi yang kokoh itu.

Dalam kamar yang sempit itu teralau gelap keadaan-nya. Tembok kamar itu amat kukoh — kamar batu yang tebal-nya tidak kurang dari delapan inci — Batu dalam kamar itu memualkan tekak. Amat busuk. Bau hanching sudah menjadi minyak wangi yang paling harum dalam kamar itu.

Keadaan seperti itu sudah menjadi perkara biasa bagi-nya — sudah macham isi dengan kuku. "Ini-lah istana yang paling indah bagi ku" katanya. Dia tidak tahu kenapa dia berada di-sana—kenapa dia di-tempatkan di-sana? Dia tidak tahu, malah dia kurang mengerti, pun dia tidak sedar bila dia di-tempatkan di-situ. Hanya orang mengatakan dia gila.

"Siapa kata aku gila hah? siapa? siapa? Awak semua yang gila. Aku tidak gila," dia berteriak2 dalam kamar itu. Dia maseh terhachak di-tepi jendela yang hanya memberi sedikit pancharan cahaya dalam kamar itu.

"Aku tidak gila. Kau yang gila. Gila harta. Gila! Gila! Semua awak gila," dia terpekek2 lagi.

Orang2 yang lalu jalang di-hadapan kamar itu, tidak menghiraukan pekekan-nya. Pekekan itu sudah menjadi perkara biasa bagi mereka.

RUMAH BARU KERETA PUN BARU

"Rumah aku tidak lama lagi siap, seratus ribu. Besok kereta aku datang, yang paling baru dan mahal . . . Harta bahagian aku, aku gunakan untuk semua itu. Eh, kau! pergi jumpa China tu, katakan pada-nya aku mahu kereta yang paling mahal dan kau pergi jumpa china kontrak tu, suroh chepat bikin kerja, jangan main2, tuan besar mahu pindah sabelum fajar menyinsing besok — pergi chepat! Ah, bagitu-lah kalau mahu naik gaji, mesti kerja rajin2".

Dan kau Saniah! pergi jumpa pak chek kau, jangan ashek bekepit dengan bini saja, suroh dia menderibakan aku ka-Belait besok, aku mahu buka kedai besar di-sana — pergi chepat! Ah, bagitu-lah kalau tidak mahu ketulah dari aku — ayahmu. Jangan hiraukan mak kau, mak kau-pun gatal juga suka mahu chari laki yang lebeh kuat dari aku," bagitu-lah hujah-nya satu hari.

"Semua orang kata dia tu kena buat," kata isteriku pada satu petang. "Buat apa?, kan dia tu baik orang-nya", kata ku.

"Pasal tu-lah di-kena buat, dia tu tak pileh2 siapa".

"Sa-tahuku dia tu orang baik2, takkan orang sampai hati bikin dia bagitu", tegasku.

"Ehhh, kalau pasal harta, orang boleh buat apa saja," tegas isteri-ku. "Harta?" aku merasa hairan.

"Abang tahu, dia tu dah kena tipu oleh bapa saudara-nya", isteriku menegaskan.

"Mana awak tahu semua ni?" kehairananku memunchak dan aku ingin tahu.

"Mak Midah bidan tu yang beri tahu Nah semalam", tegas-nya.

"Jangan2 awak gesa Mak Midah tu supaya memberi tahu awak hal yang sa-benar-nya", Kemarahanku datang

pula. Aku tak suka isteriku mengambilibil tahu hal orang lain. Aku benchi dengan tabiat perempuan bagitu. Sama juga jijekku pada perempuan2 yang perokok.

"Tidak bang, Nah tak buat bagitu, Mak Midah terus saja mencheritakan hal Pak Hassan tu", nampak benar kekhawatiran Munah ketika itu.

"Telanjut awak dah tau, macham mana pula cherita-nya?" ingin pula aku tahu cherita di-sa-balek bala' yang menimpa Pak Hassan yang menyebabkan dia terkurong dalam bilek gila.

Aku mendengar saja cherita isteriku, macham adek2ku mendengar cherita dongeng dari datok mengenai cherita 'Tuan Pemagat'.

NASIB PAK HASSAN

Terasa sedeh juga mendengar nasib Pak Hassan itu. Memang manusia ini gila2 belaka. Sa-hingga tipu-menipu, khianat mengkhianati terdapat antara sa-sama sendiri.

Terfikir olehku bahawa manusia ini chuma sa-suku saja yang benar2 manusia dan yang tiga suku lagi, manusia yang terserokop pada aneka kegiatan yang terpengaruh pada keadaan sekeliling.

Lihat saja nasik Pak Hassan yang dulu-nya baik hati itu. Dia lembut orang-nya, jujur dan suka menolong orang yang dalam kesusahan, terutama sekali jika ada majlis2 suka-duka di-kampong-nya. Dia segera akan memberi pertolongan yang terdaya oleh-nya. Sebab itu, Pak Hassan satu ketika dulu ada-lah yang di-hormati oleh penduduk2 kampong-nya — Kampong Taripas.

KAMAR INDAH

Tapi sayang, kini Pak Hassan bukan lagi seperti Pak Hassan yang dikagumi dan di-hormati. Dia sudah menjadi sampah yang tidak berguna langsung. Dia kini menjalani nasib-nya yang samar2. Dia sudah tidak siaman. Dan terhumban ka-kamar yang amat di-takuti oleh manusia yang siaman — kamar gila.

Orang akan bertanya: "Kenapa dan mengapa Pak Hassan berada di-bilek itu? kenapa tidak sa-orangpun kaum keluarga-nya menjengok2? kenapa dia terbiar?"

Jawab-nya Pak Hassan sudah menjadi sampah, tak guna satu sen pun. Nasib sampah, bagitu-lah ada-nya, jatoh ka-ayer, di-bawa surut — di-bawa pasang — hilir mudak bergantong pada nasib dan akhir-nya tenggelam dengan tiada pachakan batu asas di-lubok hati manusia.

HARTA AYAH

Dulu Pak Hassan menyahuti nasib-nya yang chemerlang. Dia tidak mengetahui yang nasib serupa itu akan datang pada-nya, persis mendapat 'gusi' di-dalam gua. Ketika itu dia tidak mengetahui langsung yang aruah bapa-nya mempunyai harta peninggalan.

Antara harta peninggalan aruah bapa-nya itu termasuk-lah delapan keping tanah yang luas-nya kira2 seratus ekar. Tanah itu letak-nya di-Bandar pula. Pak Hassan tidak mempunyai adek.

Dia juga menjadi anak tua dan dia juga menjadi anak bungsu. Namun bagitu dia tidak pernah di-beri tahu, baik oleh ibu mahupun, bapa-nya mengenai harta itu. Ibu-nya meninggal sewaktu dia berumur 10 tahun dan ayah-nya pula meninggal ketika umur-nya baru meningkat ke-13. Pak Hassan tidak mendapat didekan apa2, sa-lain dari mengaji koran.

"Belajar mengaji, balasan-nya shor-ga di-akhirat", demikian petua ayah-nya sa-waktu Pak Hassan di-hantar

belajar mengaji di-rumah bilal Taib dulu. Dalam pada itu, dia selalu juga mendapat petua2 dari bilal Taib mengenai zakat fitrah.

"Tiap2 menjelang sa-hari sa-belum hari raya, awak mesti berfitrah pada guru dan siapa berfitrah pada guru shor-ga balasan-nya", Pak Hassan patoh perintah guru-nya itu, kerana dia takut ketulah — dia tidak mahu jadi batu, dia tidak mahu masuk neraka.

"Ingat San, sa-waktu belajar mengaji nanti, mesti patoh perintah guru — jangan bantah — nanti jadi batu", demikian amaran bapa-nya pula.

TERPERANJAT

Sa-waktu ibu dan ayah-nya tiada lagi di-dunia ini — pulang ka-alam baka, dia tidak menitiskan ayer mata walau setitik pun, tapi semalam2an ketika mayat bapa-nya belum di-kebumikan dia khusuk mengaji di-hadapan mayat orang tua yang di-kasih-nya itu. Bapa saudara-nya, Pak Kassim pun ada di-sisi-nya.

"San, aruah bapamu ada meninggalkan beberapa keping tanah dan sedikit wang".

Dia agak terperanjat mendengar berita itu, dia sa-olah2 tidak percha-ya. "Betul kah Pa'che", tanya-nya dengan tenang pada bapa saudara-nya — Pak Kassim.

"Yah, tapi kau belum chukup umur lagi", kata Pak Kassim.

"Kenapa bagitu?" Hassan ingin tahu.

"Kau belum akhil-baligh lagi, nanti sa-telah kau betul2 dewasa baru-lah harta itu berhak kau pegang" kata Pak Kassim selamba.

"Masa ini tak boleh kah Pa'che?"

Hassan ingin benar hendak memileki harta pesaka aruah bapa-nya itu, ketika itu juga.

"Eh, tak boleh, nanti harta tu habis bagitu saja".

Rona muka Hassan kelihatan benar kechewa-nya — hati-nya sudah tidak tenteram.

"Sabar nak, harta tu kau juga yang punya akhir-nya — tunggulah, bukan-nya lama benar", nasehat Pak Kassim.

"Berapa umur kau sekarang?" tanya Pak Kassim kembali.

"13", pindek saja jawaban Hassan.

"Hah, lagi dua tahun, harta tu kau-lah yang punya" tegas Pak Kassim.

Tenang kembali perasaan-nya — Hassan gembira — "hanya dua tahun", bisik hati-nya.

Angka yang di-tunggukan sudah tiba — Hati-nya berdebar2 — dia terlunjak sana, terlunjak sini — macham kuching keguguran anak. Tapi sayang, gembira itu hanya sa-detik saja — datang berita dari bapa saudara-nya, "Umor-mu maseh belum chukup — badan-mu maseh kecil — tunggu-lah sa-hingga dewasa benar".

JIWA BERGELORA

Hati kecil-nya menyumpah2 — jiwa bergelora — rasa2 mahu di-kunyah2 tuboh-badan bapa saudara-nya yang besar macham gajah itu. Tapi perut-nya kechut kembali bila dia teringat yang bapa saudara-nya pernah menjadi sa-orang pembunoh — lemah seluruh anggotanya. "Tunggulah sampai kau dewasa", itu saja yang dapat di-tangkap-nya dari kata2 Pak Kassim.

Waktu dewasa Hassan sudah tiba — nafsu muda-nya terlunjak2 — bergelora. Saperti orang2 muda yang lain, bagitu juga Hassan. Dia ingin beristeri.

Dalam pergelutan gelombang jiwa-nya — antara harta pesaka dan isteri.

Oleh:
Ahmad Arshad



Hassan berjaya kahwin dengan Sunah —sepu-nya — anak Pak Kassim juga.

Chuchu-chichit Pak Kassim, hasil dari perkongsian hidup antara Hassan dan Sunah — keluar satu demi satu, hingga sa-tengah dozen banyak-nya. Umor anak mereka yang tua telah meningkat ka 15 tahun.

Waktu itu-lah jiwa Hassan tambah gelora-nya lagi.

"Sekarang anakku yang tua dah 15 tahun", dia mengulangi2 kesah lama. "Tapi, harta pesaka belum juga teresah padaku" . . . Ini tipu punya kerja, aku mesti bertindak, itu hakku . . . kalau di-kasih juga macham-mana? . . . yah macham-mana? hutang piutangku sudah membukit — hutang bona rumah — hutang beli tanah . . . yah macham-mana?" gelora fikirannya kian kencang — berkechemok. Malam sudah bagitu tua, Hassan maseh juga dengan pergolakan fikiran dan hati kechil-nya.

Tiba2 . . . "tenang! tetapkan fikiran sa-suatu hanya akan terchapai dari fikiran yang tenang! . . . yah aku perlu ketenangan menghadpi soal ini", hati-nya sejuk kembali. Fikiran-nya beransor2 kembali tenang. Dan matanya terkatup untok menanti hari yang bahagia — hari yang tenang.

AKU TAHU-LAH . . . !

Sudah sa-bulan Pak Kassim jadi haji. Bakal anak yank ketujuh bagi Hassan sudah jelas menunjol di-perut isteri-nya — Sunah. Sa-telah waktu maghrib, Hassan dengan rona dan tingkah laku yang penoh dengan kehormatan, mendekati Pak Haji Kassim, yang sedang menghadapi tepak sيره di-biliek tamu.

Suasana tenang sa-ketika. Pak Haji Kassim achoh tak achoh melihat kedatangan Hassan itu — macham tidak. Mulut-nya mengunyah2 sيره. Suasana tetap tenang juga, hanya sakali terganggu oleh bunyi mulut Pak Haji Kassim memanchutkan ayer ludah merah ka-peludahan" yang terletak patoh di-hadapan-nya.

"Pak", Hassan memechah kesunyian.

"Yah", sahut Pak Haji Kassim pindek.

"Saya ingin tahu, mengenaiiiiiiiii", Hassan terhenti.

"Aku tahu", suasana sepi kembali. Pak Haji mengbetulkan sila-nya. Dipanchutkan lagi ayer ludah merah ka-peludahan. "Tapi". Lambat sekali Pak Haji Kassim menyambung kata-nya kali ini. "Tapiiiii . . . harta itu, bukan hak kau, sudah menjadi milek aku" . . . tekanan suara Pak Haji Kassim tinggi.

"Kenapa bagitu Pak", Hassan sudah tidak tenteram lagi.

"Bapa kau ada hutang padaku", jelas Pak Haji Kassim.

Mendengar itu, jiwa Hassan sudah tidak aman — bergelora — ketika itu juga dia sudah tidak dapat menguasai kata2-nya. Panas-nya memunchak.

Kenapa soal hutang ini, tidak ditimbulkan dulu? Kasar benar kata2 itu di-tuturkan Hassan. Dia sudah tidak sabar lagi. Suasana bilek tamu itu sudah tidak tenteram lagi . . .

Isteri Hassan keluar dari dapor, terus mendapatkan kedua2 mereka itu. Ibu Sunah pun keluar tergopoh-gapah — nyaris2 taphan kain-nya tergelun-

PERADUAN BAHAS ASTERAWANI BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Bahas di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada sepanjang hari Juma'at 13 November, 1964 dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan para pesertanya dan penonton.

Peraduan Bahas tersebut telah di-buka dengan rasminya oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar yang juga menjadi Penaong, Persatuan Asterawani, Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil telah mengemukakan tah-

niah terhadap kejayaan Persatuan Asterawani mengadakan Peraduan Bahas tersebut. Beliau berharap agar-nya usaha Asterawani untuk menggunakan Bahasa Rasmi Negeri Brunei, ia-itu Bahasa Melayu, di-segala lapangan akan di-kenangkan oleh masyarakat sa-umom-nya pada sa-tiap masa. Sa-banyak 10 pasokan telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bahas tersebut.

Pasokan2 itu ia-lah: Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei, Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei, Badan Perbahasan Tingkatan Rendah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei; Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei; Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Badan Kebudayaan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei. Kesatuan Pemuda Pemuda Kampong Sungai Kedayan, Brunei; Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama Brunei; Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei dan Maktab Perguruan Melayu Brunei. Pengadil2 peraduan tersebut ia-lah: Awang Md. Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Md. Yusof, Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dan Dayang Jusnani binti Lawi.

Tajok, keputusan dan lain2-nya mengenai Peraduan Bahas tersebut ada-lah seperti berikut:

A TUGAS SA-ORANG PENGARANG LEBEH BERAT DARIPADA TUGAS SA-ORANG MENGIKHTISARKAN SENJATA.

Pengerusi: Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Penchadang: Badan Perbahasan Tingkatan Rendah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. Peserta2-nya: Awangku Md. Hasan bin Pengiran Zainal, Awang Mahmud bin Haji Bakar dan Awang Muhammad bin Metussin.

Pembangkang: Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei. Peserta2-nya: Awang Morsidi bin Haji Besi, Awang Zaini bin Yasin dan Awang Sharbini bin Khatib Haji Moksin.

Keputusan: Penchadang—58 peratus. Pembangkang—53 peratus.

B KEBUDAYAAN BARAT LEBEH BANYAK MEMBAWA KEBURUKAN DARIPADA KEBAIKAN.

Pengerusi: Awang Abdul Samat bin Kahir.

Penchadang: Badan Kebudayaan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei. Peserta2-nya: Awang Abdul Latif bin Sirat, Dayang Hatizah binti Hamzah dan Awang Damit Shamsudin.

Pembangkang: Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. Peserta2-nya: Dayang Zaliha binti Husain, Awang Abdul Ghafar dan Awang Ariff bin Abu Bakar.

Keputusan: Pembangkang — 56.5 peratus. Penchadang — 50.5 peratus.

C PENYELORAN BAHASA MELAYU DI-BRUNEI DENGAN PESAT-NYA IA-LAH DARI SURAT KHABAR-NYA — BUKAN-NYA DARI RADIO-NYA.

Pengerusi: Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Penchadang: Kesatuan Pemuda Pemuda Kampong Sungai Kedayan, Brunei. Peserta2-nya: Awang Md. Yassin bin Md. Said, Awang Ahmad Morsidi Haji Salleh dan Awang Puteh bin Jukin.

Pembangkang: Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei. Peserta2-nya: Awangku Yacob Pengiran Muhammad, Dayang Maisalamah Sharbini dan Awang Sulaiman Abdul Wahab.

Keputusan: Pembangkang — 67.2 peratus. Penchadang — 51.75 peratus.

D KEMAJUAN SA-SABUAH NEGERI ITU TERLETAH KAPADA PENGETAHUAN RA'AYAT-NYA—BUKAN KAPADA KEKAYA'AN NEGERI-NYA.

Pengerusi: Awang Mohammed Zain Ariff bin Haji Ahmed Ariff.

Penchadang: Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei. Peserta2-nya: Awang Mustafa Haji Abdul Rahman, Dayangku Hairani binti Pengiran Muda Kahar dan Awang Metussin Haji Ibrahim.

Pembangkang: Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei. Peserta2-nya: Awang Rais Baneh, Dayang Fatimah Aman dan Awang Ahmad Abdul Razak.

Keputusan: Pembangkang — 63.25 peratus. Penchadang — 53 peratus.

E KEKURANGAN SAUDAGAR2 MELAYU DI-BRUNEI BUKAN DI-SEBABKAN OLEH KEMISKINAN TETAPI ADA-LAH DI-SEBABKAN TAK ADA KEMAHUAN.

Pengerusi: Awang Mohamed bin Haji Serudin.

Penchadang: Maktab Perguruan Melayu Brunei. Peserta2-nya: Awangku Suhaimi Pengiran Wahid, Dayang Sahara Ahmad dan Awang Tajuddin Haji Tengah.

Pembangkang: Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei. Peserta2-nya: Awangku Badarudin Pengiran Haji Damit, Awang Metussin Haji Seruddin dan Awang Md. Salleh bin Abdul Latif.

Keputusan: Pembangkang — 52.75 peratus. Penchadang — 49.75 peratus.

Persatuan PATUH yang telah mendapat 67.2 peratus, ia-itu markah yang tinggi sekali dalam Peraduan Bahas tersebut telah di-pilih untuk

mengambil bahagian dalam Pusingan Ketiga pada hari Jumaat 27 November.

Empat buah pasokan telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pusingan Kedua pada hari Juma'at 20 November.

Pasokan2 itu ia-lah Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei; Badan Perbahasan Tingkatan Rendah Maktab S.O.A.S. Brunei, Persatuan BAKTI Brunei dan Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab S.O.A.S., Brunei.

Tajok dan Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam Peraduan Bahas tersebut ada-lah seperti berikut:

(a) **KEMUNDORAN ANAK2 MELAYU DI-LAPANGAN PELAJARAN DI-SEBABKAN KURANG USAHA — BUKAN DI-SEBABKAN KEMISKINAN.**

Penchadang: Badan Perbahasan Tingkatan Rendah Maktab S.O.A.S.

Pembangkang: Persatuan Bekas Penuntut2 Ugama, Brunei.

(b) **SAIN LEBEH BANYAK MENDATANGKAN KEBUROKAN DARIPADA KEBAIKAN.**

Penchadang: Persatuan BAKTI Brunei.

Pembangkang: Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab S.O.A.S.

SAJAK

KEMBARA

Kembara-lah bapaku sayang Semudera demi semudera Chari kedamaian hati Ka-lidah bumi walau.

Aku dan adek-adek Merestu penoh sayang Ibu tetap asli lagu-nya 'Alus jua dindang'

Tika bapa pulang Bakul berisi berat mengandang Alangkah shorga dunia ini Dan kami senyum berpanjang, Ibu menanti mesera-nya Pakaian burok kelak berganti indah.

Kembara-lah bapaku sayang Untok kedamaian hati-hati mengharap

Ka-lidah bumi walau — penoh kesuchian — Sejahtera jua chinta kami.

13/11/64.

— Adi.

Ahli Baharu Majlis Mashuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah melantek Awang G.V. de Freitas, Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei menjadi sa-orang ahli rasmi dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Maka dengan lantekan

tersebut, Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir yang telah menyandang jawatan sa-bagai Pemangku Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei tidak-lah lagi menjadi sa-orang ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

"KITA MEMPUNYAI HARAPAN BAHAWA HUTAN2 DI-BRUNEI AKAN MENDAPAT KEMAJUAN..."

Kata Awang Zainal Abidin

SUNGAI LIANG. — Kita mempunyai harapan untuk masa hadapan bahawa hutan2 kita mendapat kemajuan dan menchapai ka-tingkatan yang sesuai apabila perusahaan membuat "flywood", bahan untuk kertas dan lain2 boleh di-buka di-sini nanti, sebab bahan2 kayu yang sesuai untuk perusahaan seperti itu akan menchukopi. Demikian kata Pemangku Pegawai Kehutanan Negara Brunei, Awang Zainal Abidin bin Bendahari Mohamed.

Awang Zainal Abidin telah memberi ucapan tersebut di-majlis meraikan lawatan rasmi Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim ka-Pusat Kehutanan Sungai Liang pada pagi hari Sabtu 14 November, 1964.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Zainal Abidin berkata, "Apabila tuan memasoki ka-dalam hutan2 Brunei, tuan akan melihat berma-

cham2 jenis pokok2 kayu akan tetapi hanya sedikit sahaja daripada-nya jenis pokok2 yang mengeluarkan hasil untuk penjualan.

Pokok2 ini tumbuh dengan memakan masa yang panjang dan mengambil masa dari 60 hingga 80 tahun, baharu-lah ia-nya mengeluarkan balak yang menchukopi besar-nya untuk dipotong dan di-gunakan.

Ini tidak-lah mustahak, apabila menghendakkan kayu itu hanya sa-chara kecil2 dan penggunaan-nya terhad. Di-waktu penggunaan kayu seperti ini tidak perlu memikirkan apa2, kita boleh dudok dan berdiam diri dan kita biarkan Alam yang membuatkan kerja untuk menggantikan apa yang telah kita ambil dari dalam hutan, atau apa yang telah di-binasakan.

PENGUNAAN KAYU2

Hari ini, penggunaan kayu2 untuk bermacam2 jenis perusahaan menyebabkan pengeluaran kayu yang banyak dari hutan2 di-seluruh dunia dan pengeluaran Alam untuk menggantikan apa yang telah di-ambil keluar, tidak lagi menchukopi.

Awang Zainal Abidin selanjutnya menegaskan bahawa Alam mesti-lah di-bantu oleh manusia dan kehutanan bertukar menjadi satu jenis pertanian.

"Oleh yang demikian," tegas beliau, "apabila Rancangan Penanaman Hutan Sa-mula di-per-timbangkan, kami telah memilih Tolong (Bindang) sa-bagai tanaman pertama dari jenis pokok tempatan. Walau pun tumbuhnya memakan masa yang panjang, kayu ini sangat di-kehendakki untuk di-buat "flywood" dan lain2 kegunaan.

Pokok Tolong (Bindang) juga menghendakki jagaan dan bantuan, sebab dengan tebanan sa-chara besar2-an pada masa yang lampau, pokok2 ini hampir kehabisan dalam Negeri Brunei.

SEMAIAN DI-SG. LIANG

Sekarang kami mempunyai lebeh dari 50 ekar tanah yang telah di-tanami dengan tunas anak Tolong (Tolong seedlings) diperolehi dari semaian di-Sungai Liang dari biji kita sendiri. Jenis2 pokok sa-terus-nya yang akan di-beri bantuan sa-chara ini ia-lah Meranti, Kapur dan Keruing.

Masaalah kita kedua ia-lah mengadkan jenis2 pokok luar negeri, yang mana tumbuh di-tanah tidak subur ("poor soil") besar dengan chepat dan mengeluarkan kayu bagi bahan2 kertas dan lain2, dan juga dapat menyesuaikan hawa dengan tidak ada kesukaran.

Bagi langkah yang pertama, kami mulakan dengan penanaman CARRIBEAN PINE dari Amerika Tengah. Pokok ini akan tumbuh di-tanah tidak subur—umpama-nya tanah pasir—besar dengan chepat dan apa yang di-kehendakki-nya ia-lah parit2 yang baik sahaja.

Biji pokok ini kami perolehi dari British Honduras dan semaian pertama di-tanam di-tepi bukit di-belakang Pusat Kehutanan Sungai Liang dalam bulan Oktober 1960.

Hari ini, sa-lepas empat tahun, pokok muda telah meningkat tinggi dari 14 hingga 16 kaki dan sangat subur.

Nampak-nya pokok2 ini sesuai dengan hawa negeri ini dan kami menjangka tanaman pertama ini akan chukop besar dan dalam keadaan

yang sangat sesuai untuk tebanan dalam masa 30 hingga 35 tahun.

Kami menanam 300-400 tunas dalam satu ekar, dan di-jangka akan mengembalikan kira2 300 tan kayu dari satu ekar, yang mana jika di-bandingkan kiraan pulok rata, sa-banyak lebeh kurang 25 tan dalam satu ekar dari hutan2 kita yang ada sekarang.

Caribbean Pine ini tumbuh di-tanah yang tidak subur dan terator—apa yang di-kehendakki-nya ia-lah parit2 yang baik sahaja.

Di-samping itu jenis pokok2 lain, yang kami keluarkan dari semaian di-Sungai Liang, ia-lah Philippine dan Tenasserin Pine, kedua2 jenis ini akan di-tanam dan di-buat perchubaaan di-perkebunan Sungai Liang yang mempunyai 800 ekar keluasan ini.

Sa-lepas rancangan2 ini "block2" tanah yang lain akan di-pilih di-seluruh negeri ini untuk penanaman hutan semula dengan jenis2 pokok kayu tempatan dan luar negeri, yang mengeluarkan kayu2 yang sesuai dan baik," kata lagi Awang Zainal Abidin di-majlis tersebut.

PEPEREKSAAN SENIOR CAMBRIDGE

BANDAR BRUNEI—Seramai 171 orang penuntut2 Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Inggeris di-Brunei akan memasoki Peperiksaan Senior Cambridge sa-chara bertulis dalam bulan ini.

Peperiksaan tersebut akan diadakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan juga di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria mulai pada 19 November hingga 4 Disember.

Sembilan puluh dua orang penuntut2 dari bilangan tersebut, ia-itu mengandongi penuntut2 dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Missi Saint Andrews akan memasoki peperiksaan tersebut di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Tujuh puluh sembilan orang lagi penuntut2, ia-itu mengandongi penuntut2 dari Maktab Anthony Abell, Sekolah Missi Saint Michael, Sekolah Missi Saint Margaret dan Sekolah Missi Saint Angela akan memasoki peperiksaan tersebut di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria.

Peperiksaan Senior Cambridge sa-chara praktikal bagi penuntut2 dari Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Inggeris tersebut telah pun di-mulai pada 30 Oktober dan tamat pada 17 November.

Keputusan peperiksaan tersebut di-jangka akan dapat di-umumkan pada awal bulan Mach tahun hadapan. Demikian menurut penerangan Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Malcolm MacInnes.

KURSUS BAKAL2 HAJI


KUALA BELAIT. — Kursus Bakal2 Haji Tahun 1965 bagi Daerah Belait akan di-adakan di-Bilek Bachaan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait pada hari Khamis 19 November, 1964 mulai pada pukul 10 pagi.

Kursus Bakal2 Haji tersebut bagi Daerah Tutong akan di-adakan di-Mesjid Pekan Tutong pada hari Khamis 26 November, 1964. Kursus itu akan di-mulai pada pukul 9 pagi.

Bakal2 Haji pada tahun 1965 di-Daerah Brunei/Muara telah pun menghadhiri kursus tersebut pada pagi hari Khamis 12 November, bertempat di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Sementara itu, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin mema'lonkan kepada umat Islam di-seluruh Negeri Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan akan tetapi mereka belum lagi menghantar borang2 kerana menunaikan fardhu Haji, supaya menghantarkan borang2 tersebut ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan saberapa segera.

Borang2 tersebut, kata beliau, hendak-lah di-hantarkan oleh bakal2 Haji yang berkenaan, bersama2 dengan borang2 akuan Doktor yang membolehkan mereka menunaikan fardhu Haji.



Dayang J. Whittington, Pengarah Perkembangan Persatuan2 Palang Merah Seberang Laut telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini. Pada masa lawatan itu, Dayang Whittington telah menghadhiri Perjumpaan2 Pasokan2 Palang Merah di-Bandar Brunei, Tutong dan di-Seria. Dalam gambar ini kelihatan Dayang Whittington menyematkan Pingat Palang Merah di-kemeja Sarjan Ahmad bin Bujang di-majlis meraikan beliau oleh Pasokan Palang Merah Daerah Brunei yang telah di-adakan di-halaman Maktab S. O. A. S. pada pagi hari Khamis 12 November, 1964.

PERLAWANAN BOLA SEPAK MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 MENENGAH:

JOHAN – M. P. M. B.

Naib Johan – Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dengan 1 gol tidak berbalas dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Khamis yang lalu.

Ini-lah tahun ke-dua berturut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei memenangi perlawanan bola sepak tersebut.

Gol yang unggul dalam perlawanan itu dan juga gol yang

M. P. M. B.

Menang Lagi

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Sekolah Saint Andrews, Bandar Brunei dengan 5 gol tidak berbalas dalam perlawanan bola sepak Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Sa-Negeri Brunei, peringkat sa-paroh akhir di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 5 November.

Pada sa-paroh masa yang pertama Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 4 gol. Satu gol lagi telah di-dapati oleh maktab tersebut sebelum perlawanan bola sepak itu tamat.

telah memberi kemenangan kepada Maktab Perguruan Melayu Brunei telah di-jaringkan oleh "forward"-nya Razak Idris sa-paroh masa dalam pertengahan yang pertama.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad bin Pengiran Piut telah menyampai Perisai rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha kepada pasukan yang telah menjadi johan dalam perlawanan tersebut serta juga hadiah2 yang lain kepada pemain2 kedua2 pasukan.

Sa-belum perlawanan tersebut di-jalankan, pemain2 kedua2 pasukan telah di-perkenalkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad.

Kemudian Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad telah menendangkan bola di-tengah padang tersebut sebagai tanda mengishtiharkan permulaan perlawanan bola sepak itu.

Sungguh pun padang lechah di-sebabkan hujan sa-belum perlawanan tersebut, akan tetapi, pemain2 kedua2 pasukan tersebut telah bermain bersungguh2 dari sa'at pertama perlawanan bola sepak tersebut di-jalankan hinggalah ka-sa'at yang akhir perlawanan itu.

Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah mengadilkan perlawanan bola sepak tersebut.

Pemain2 M.P.M.B. : Abdullah Damit, Rosli, Zaman, Suhaili, Lamat, Damit, Ja'afar, Mohamed Rahman, Awangku Mahmud (Kapitan), Razak Idris dan Awangku Kahar.

Pemain2 Maktab S.O.A.S. : Ariffin A. Rahman, Sahari Awang Besar, Mohsin, Lim Pang Kit, Awangku Kamaludin, Md. Salleh, Abu Hanifah, Awangku Hassan, Md. Ali (Kapitan), Ibrahim dan Tamin.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh, terbuka kepada pelumba2 lelaki dan perempuan di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan pada pagi hari Ahad 6 Disember, 1964.

Perlumbaan untuk pelumba2 lelaki ia-lah sa-jauh 17 batu, ia-itu dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan untuk pelumba2 wanita pula, ia-lah sa-jauh 7½ batu, ia-itu dari jalan raya di-hadapan Sekolah Melayu Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.

Perlumbaan itu akan di-bahagikan kepada lima bahagian ia-itu seperti berikut :

- (1) Bahagian wanita : Pelumba2 mesti-lah berumur 12 tahun ka-atas.
- (2) Bahagian Junior : Pelumba2 mesti-lah berumur 16 tahun ka-atas.
- (3) Bahagian Senior : Pelumba2 mesti-lah berumur 16 tahun ka-atas.
- (4) Bahagian Orang2 Tua : Pelumba2 mesti-lah berumur 40 tahun ka-atas.
- (5) Bahagian Tentera2 Inggeris : Umor pelumba2 tidak-lah di-hadkan.

Bayaran masuk berlumba untuk orang2 dewasa ia-lah \$1 dan bayaran untuk murid2 sekolah ia-lah 50 sen sa-orang.

Tiap2 permohonan hendak-lah mengandungi nama penoh, umor, sama ada lelaki atau perempuan serta alamat dan hendak-lah di-hantarkan kepada Awang S. Palaniandy, d/a Peti Surat 537 atau d/a Jabatan Elektrik, Bandar Brunei atau kepada Awang Chua Kong Heng, d/a Pejabat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Jalan Sultan Bandar Brunei sa-belum 23 November, 1964.

Perlumbaan Basikal Menyambut Pembukaan Rasmi Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR BRUNEI. — Badan Olahraga Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan mengadakan Perlumbaan Basikal Chara Pantai pada petang hari Selasa 29 Disember, 1964. Perlumbaan itu ada-lah terbuka kepada pelumba2 basikal lelaki sahaja dari seluruh Negeri Brunei.

Perlumbaan Basikal tersebut akan di-adakan kerana mengambill sempena hari pembukaan rasmi Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei.

Perlumbaan itu ia-lah dari Pantai Berakas ka-hadapan bangunan tersebut.

Perlumbaan tersebut ada-lah terbuka kepada ahli2 Persatuan dan Kelab2, Penuntut2 Maktab2 dan Sekolah serta orang ramai.

Sharat2 memasoki perlumbaan basikal tersebut ada-lah seperti berikut :

UMOR : Antara 15 tahun dan 40 tahun.

JENIS BASIKAL : Tidak-lah terhad — asalkan tiap2 basikal itu mempunyai "brake" hadapan dan belakang.

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei tidak-lah akan menjamin keselamatan para pelumba perlumbaan tersebut.

Sa-kira-nya sa-saorang peserta mengganggu, menolak atau pun membahayakan peserta yang lain pada masa di-adakan perlumbaan tersebut, maka peserta itu akan di-keluarkan dari perlumbaan.

Para peserta ada-lah di-ma-lomkan bahawa mereka mesti-lah memandu basikal di-sabelah kiri jalan raya.

lewat dari 15 Disember, 1964, bersama2 dengan borang permohonan kepada :

DAERAH BRUNEI DAN TUTONG : Awang Abdul Rahman bin Yusof, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

KAWASAN KUALA BELAIT : Awang Abdul Hamid bin Momin, d/a Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

KAWASAN SERIA : Awangku Mustapha bin Pengiran Metassan, d/a Sekolah Melayu Muhammad Alam, Setia.

Mereka boleh-lah memotong pelumba basikal yang lain dari sa-belah kanan pelumba itu.

Bayaran masuk berlumba ia-lah \$1 bagi tiap2 pelumba. Wang itu hendak-lah di-kirimpkan dengan saberapa segera dan tidak



*Kadet2 Puteri dari Maktab Perguruan Melayu Brunei kelihatan dalam gambar ini ashek menyanyi di-temasha Unggun Api Pandu2 Puteri yang telah di-adakan di-pekarangan rumah Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani baharu2 ini. Lagu apakah yang di-nyanyikan itu? Berita lanjut mengenai temasha Unggun Api tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 4 November, 1964. — "Block" dengan chsan akhbar "The Borneo Bulletin".

BANK KEBANGSAAN BERHAD MENAWARKAN SAHAM-NYA

BANDAR BRUNEL. — Sa-buah Sharikat Tempatan, ia-itu Bank Kebangsaan Berhad telah mula menawarkan saham-nya kepada pendudok2 di-negeri ini. Sharikat itu telah di-daftarkan baharu2 ini dan modal-nya ada-lah saperti berikut :

Modal yang di-daftarkan ia-lah berjumlah sa-banyak \$20,000,000 mengandungi 4,000,000 saham biasa, berharga \$5 satu saham.

Saham yang telah di-keluarkan dan sudah di-bayar separoh ia-lah 200,000 saham atau \$500,000.

Tawaran saham kepada pendudok2 negeri ini ia-lah sa-banyak 800,000 saham biasa berharga \$5 satu saham. Pembe-lian-nya hendak-lah di-bayar penoh.

Sharikat tersebut telah di-tubuhkan di-Negeri Brunei sa-bagai sa-buah sharikat orang ramai, di-bawah Undang2 Sharikat pada 31 Ogos, 1964.

Sharikat itu akan menjalankan perniagaan bank sa-baik sahaja mendapat lesen, di-bawah Undang2 Bank, 1956.

Pengerusi Lembaga Pengarah2 Bank Kebangsaan Berhad tersebut ia-lah Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Awang Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Pengarah2 Bank tersebut ia-lah : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Yusuf bin Awang Haji Mohamed Hussein; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Ahmad bin Mohamed Daud; Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; Yang Berhormat Pehin Dato Temanggung Awang Lim Cheng Choo; Yang Berhormat Pehin Bendahari Awang Hong Kok Tin dan Awang Tan Poh Heong yang juga menjadi Setia Usaha Lembaga Pengarah2 Bank Kebangsaan Berhad.

PERADUAN BACHAAN AL-QURAN

KUALA BELAIT. — Peraduan Membacha Ayat2 Suchi Al-Qur'an Perengkat Kawasan Kuala Belait kerana memilih chalon2 untuk memasoki Perengkat Daerah Belait akan di-adakan di-Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait pada malam 12 Disember, 1964.

Para peminat di-Kawasan Kuala Belait yang berhajat hendak memasoki peraduan tersebut sila-lah berbong dengan Awang Johari bin Imam Haji Omar Ali, d/a Pejabat Pulis, Kuala Belait atau Awang Hassan bin Louis, d/a Pejabat Kadhi, Kuala Belait.

PENERBITAN BUKU SASTERAWAN BRUNEI MENDAPAT SAMBUTAN YANG PERMAI

BANDAR BRUNEL. — Borneo Literature Bureau telah menerbitkan sa-buah buku berjudul, "DEBU BETERBANGAN" — hasil karya sa-orang sasterawan dari Brunei, Awang Muslim bin Burmat.

Buku tersebut ada-lah mengandungi 17 cerpen serta di-hiasi dengan 7 lukisan2 yang chantek.

Lukisan2 itu di-lukiskan oleh Awang M. Salleh Ibrahim, sa-orang pelukis Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

DEBU BETERBANGAN, berharga \$1 sa-naskhah telah di-terbitkan pada 3 November, 1964 dan di-chetak oleh South China Morning Post Limited, Hong Kong.

Tajok2 Cerpen2 dalam buku DEBU BETERBANGAN tersebut ada-lah saperti berikut :

Bulan Kasiangan, Chachat, Sakamar, Wartawan Bebas, Kesah Di-Maktab, Hilang Sudah Tempat Bergantong, Lela, Jalan Berdebu dan Kacha Mata Hitam, Kantin Pagi, Antara Kesah dan Kenangan,



SASTERAWAN MUSLIM BURMAT



PELUKIS SALLEH IBRAHIM

Sa-chibis Kesah Pa' Samad, Sa-laras Senapang untok Ibu, Khenduri Aruah, Gerhana, Hanchor Badan Kerana Budi, Ilham dan Sa-sudah Tiga Zaman.

Sasterawan Muslim Burmat, Pengarang buku Debu Beterbangan, telah di-lahirkan di-Kampung Kiarong, Daerah Brunei dalam tahun 1943.

Beliau ia-lah sa-orang bekas penuntut Sekolah Melayu Gadong, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam. Bandar Brunei dan Maktab Sultan



Satu upacara menyampaikan Bintang2 Tenderfoot kepada anggota2 baharu Pasukan Kadet Puteri Maktab Perguruan Melayu Brunei oleh Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani telah di-adakan di-Maktab Perguruan Melayu Brunei baharu2 ini. Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut. Dudok nombor 7 dari kanan ia-lah Pesuruh Jaya Pandu Puteri Brunei, Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani dan dudok nombor 7 dari kiri ia-lah Pemimpin Pasukan Kadet Puteri Maktab Perguruan Melayu Brunei, Chegu Dayang Zauyah binti Othman. Berita upacara tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 4 November, 1964.

SHARAHAN UGAMA ISLAM DI-RUMAH PANJANG

BATU APOL. — Rombongan Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu 21 November, 1964 dan akan memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam di-Rumah Panjang, Batu Apoi pada pukul 6.30 petang hari tersebut.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Rombongan Jema'atul Anashid dan Gambus, di-bawah pimpinan Al-Ustaz Abdul Kadir Awang akan turut menyerikan majlis tersebut.

Wakil2 Brunei Menghadhiri Persidangan Penyiaran Di-Australia

BERAKAS. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Awang G.V. de Freitas dan Ketua Jurutera, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang Michael Chen telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang dalam perjalanan ka-Australia ini untuk menghadhiri Persidangan Kesatuan Penyiaran Asia.

Persidangan tersebut di-adakan di-Sydney, Australia selama

10 hari mulai pada 13 November, 1964.

Awang Michael Chen telah berlepas ka-Singapura pada hari Selasa 10 November, manakala Yang Berhormat Awang de Freitas pula telah berlepas ka-sana pada hari Rabu 11 November.

Wakil2 dari beberapa buah negara pada masa ini mengambil bahagian dalam persidangan tersebut. Di-antara negara2 itu ia-lah Brunei, Australia, Republik China, India, Jepun, Republik Korea, Laos, Malaysia, New Zealand, Pakistan, Philipina, Thailand, Republik Arab Bersatu dan Vietnam.

Yang Berhormat Awang de Freitas dan Awang Michael Chen di-jangka berlepas dari Singapura ka--Brunei, sa-lepas menghadhiri persidangan tersebut, pada awal pagi 26 November dan tiba di-Brunei pada tengah hari tersebut.

LESEN2 BAHARU KENDERAAN

BANDAR BRUNEL. — Pejabat Kenderaan Darat di-Bandar Brunei dan Kuala Belait akan mulai melesen kereta2 dalam bulan Disember 1964 menurut jadual di-bawah ini.

Dari 1 Disember hingga ka-15 Disember, 1964 bagi taxi, bus, kereta membawa barang dan kereta perniagaan. Dari 16 Disember hingga ka-31 Disember bagi kereta2 kegunaan sendiri.